



PENDAFTARAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI PREMIS KOMERSIL DAN PREMIS KEDIAMAN DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

CARA MEMOHON :

LANGKAH 1	CETAK DAN ISI BORANG PPDT (Untuk semua perniagaan dalam talian di premis komersil dan kediaman)
LANGKAH 2	<p>CETAK DAN ISI BORANG PPDTK (Untuk perniagaan dalam talian di premis kediaman sahaja)</p> <p>2.1 CETAK DAN ISI BORANG K1 (Untuk perniagaan dalam talian di premis kediaman sahaja)</p> <p>2.2 CETAK DAN ISI BORANG K2 (Untuk perniagaan dalam talian di premis kediaman sahaja)</p>
LANGKAH 3	<p>DOKUMEN DAN BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP DIISI PERLU DIIMBAS KE DALAM FORMAT .PDF, KEMUDIAN MUAT NAIK KE SISTEM https://elesen.mbpj.gov.my</p>

PANDUAN LOG MASUK KE SISTEM elesen.mbpj.gov.my

1.	Daftar/ Log Masuk	
2.	Klik Halaman Utama.	

3.	Search 'Perniagaan Dalam Talian'	
4.	Klik 'isi borang'	
5.	Isi borang permohonan	Lengkapkan semua maklumat yang diminta
6.	Muat naik borang PPDT, Borang PPDTK, Borang K1, Borang K2 yang telah lengkap diisi.	
7.	Cetak slip penerimaan.	

PERTANYAAN LANJUT / BANTUAN SILA HUBUNGI :

**JABATAN PELESENAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN USAHAWAN,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Telefon : 0379604667, 0379566922, 0379541548 samb. 142, 128, 127, 108

Emel : smartlesen@mbpj.gov.my

Whatsapp : <https://wa.me/0139410146> (bagi masalah log masuk sistem)



**PENDAFTARAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN (ONLINE) DI DALAM
KAWASAN PETALING JAYA
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

Nama Pemohon : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Nama Syarikat : _____

Nombor Telefon Bimbit : _____

Alamat Emel : _____

Alamat Premis : _____

Lokasi Perniagaan : **Rumah Kediaman**

Komersial

Kawasan Industri

**SOHO/ SOVO/ SOFO/ PEMBANGUNAN
BERCAMPUR**

Lain-lain, sila nyatakan : _____

Adakah anda berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)?

Ya

Tidak

Adakah premis ini mempunyai lesen perniagaan MBPJ?

Ya

Nyatakan no. akaun lesen L _____

Tidak

Jenis perniagaan yang dijalankan (Contoh: makanan sejuk beku, membuat kek, menjahit dan sebagainya)

: _____

Apakah medium sosial media yang digunakan di dalam menjalankan perniagaan/ promosi secara dalam talian (online)?

Instagram

Twitter

Facebook

Telegram

Laman Web

Lain-lain : _____

A) PERAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini dan dokumen yang dikemukakan adalah benar :

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama : _____

BORANG PPDTK

Borang yang telah lengkap diisi perlu dimuat naik ke dalam sistem elesen.mbpj.gov.my

**BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN (ONLINE) DI KAWASAN KEDIAMAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA****PANDUAN MENGISI BORANG**

1. Pemohon dikehendaki mengisi semua maklumat dan tanda (√) yang berkaitan.
2. Sila kosongkan ruangan jika tidak berkaitan atau tiada maklumat.
3. Segala keterangan di dalam borang hendaklah tepat dan benar.
4. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya ke atas permohonan ini.
5. Pihak Majlis tidak terikat untuk memberikan sebarang kelulusan.
6. Borang yang telah lengkap diisi perlu diimbas dan dimuatnaik ke dalam sistem <https://elesen.mbpj.gov.my>

B) MAKLUMAT PEMOHON

Nama : _____
(Seperti dalam kad pengenalan)

No. Kad

Pengenalan : _____ Tel/Hp : _____

Emel : _____ Faks : _____

Nama Syarikat : _____ No.SSM : _____

C) MAKLUMAT RUMAH

Alamat Rumah : _____

Status Rumah : Pemilik Ahli Keluarga Pemilik
Sila tanda (√)

Penyewa

Lain-lain (nyatakan) : _____

Jenis Rumah : Teres Teres Berkembar
Sila tanda (√)

Banglo/
Sebuah Flat/ Pangsapuri/ Kondo

Town
house

Lain-lain (nyatakan) : _____

Kedudukan Rumah : Lot/ Unit
Tengah Lot/ Unit Tepi

**Jumlah Aras/
Tingkat** : _____

Saiz/ Luas Rumah : _____ (kaki persegi)

D) MAKLUMAT PEMILIK RUMAH

Nama : _____
(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

**No. Kad
Pengenalan** : _____

Tel/Hp : _____

Alamat Surat

Menyurat : _____

E) MAKLUMAT PENGHUNI RUMAH

Jumah

Penghuni : 1-3 orang 4-6 orang
Sila tanda (√)
 7-9 orang 10 orang ke atas

Hubungan : Ahli Keluarga Rakan Penyewa

Penghuni

Sila tanda (√)

Lain-lain (nyatakan) : _____

F) MAKLUMAT PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Jenis Aktiviti : _____

Saluran Dalam : _____

Talian

Waktu Operasi (Sehari) : Mula _____ Tamat _____ Tempoh (jam) _____

Perniagaan hendaklah dijalankan secara dalam talian (online) sepenuhnya.

- G) **MAKLUMAT JIRAN** (1 unit kiri dan kanan yang bersebelahan dengan premis pemohon)
Sila isi sekiranya terdapat kejiranan dalam lingkungan 20 meter dari kedudukan premis (Perlu lengkapkan borang K1)

Nama Jiran Kiri : _____
(Seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____

Tel/Hp : _____

Nama Jiran Kanan : _____
(Seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : _____

Tel/Hp : _____

**H) MAKLUMAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)/ PERBADANAN
PENGURUSAN (MC)**

Sila isi sekiranya berkaitan.(perlu lengkapkan borang K3)

Organisasi : _____

Nama Pegawai : _____

No. Kad

Pengenalan : _____

Tel/ Hp : _____

Alamat Surat

Menyurat : _____

I) SENARAI SEMAK

BIL	DOKUMEN	TANDA (√)
1.	Borang permohonan lesen perniagaan yang lengkap diisi. (BORANG PPDTK)	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Kad Pengenalan pemohon.	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan pendaftaran SSM yang masih sah.	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan pemilikan premis (cukai/geran/ perjanjian jual beli/ perjanjian sewa)	<input type="checkbox"/>
5.	Surat kebenaran pemilik untuk menjalankan perniagaan (jika penyewa) (BORANG K2)	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan pelan lantai premis dengan lakaran 25% kawasan perniagaan.	<input type="checkbox"/>
7.	Gambar luar hadapan dan dalam rumah.	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan tangkap layar (<i>screen shot</i>) saluran/ ruangan dalam talian yang digunakan.	<input type="checkbox"/>
9.	Surat sokongan jiran kiri dan kanan dan belakang (jika kejiranan dalam 20 meter) (BORANG K1)	<input type="checkbox"/>
10.	Surat kebenaran JMB/ MC/ Ejen Pengurusan (jika berkaitan). (BORANG K3)	<input type="checkbox"/>

J) PERAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini dan dokumen yang dikemukakan adalah benar serta bertanggungjawab ke atas permohonan ini. Saya juga bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang saya jalankan. Saya bersedia diambil tindakan oleh pihak Majlis sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan. Saya juga bersetuju bahawa pihak Majlis tidak terikat untuk memberikan kelulusan dan berhak untuk menolak atau membatalkan permohonan ini berdasarkan pertimbangan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama : _____



**SURAT SOKONGAN JIRAN BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN (ONLINE) DI
KAWASAN KEDIAMAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama : _____
(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah : _____

**Aktiviti
Perniagaan** : _____

B) MAKLUMAT JIRAN

Nama : _____
(Seperti dalam Kad Pengenalan)

**No. Kad
Pengenalan** : _____

Tel/Hp : _____

Alamat Rumah : _____

Kedudukan Jiran : Kiri Kanan
Dengan Pemohon

Sila tanda (√)

C) MAKLUMAT SOKONGAN

Sokongan : Sokong Tidak Sokong
Sila tanda (√)

Ulasan : _____
(Jika Berkaitan)

D) PERAKUAN JIRAN

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : _____ **Tarikh**: _____

Nama : _____

BORANG K2

Borang yang telah lengkap diisi
perlu dimuat naik ke dalam
sistem elesen.mbpj.gov.my



**KEBENARAN PEMILIK BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN (ONLINE) DI
KAWASAN KEDIAMAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama : _____

(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah : _____

Aktiviti

Perniagaan : _____

B) MAKLUMAT PEMILIK

Nama : _____

(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

No. Kad

Pengenalan : _____

Tel/Hp : _____

Alamat Surat

Menyurat : _____

C) MAKLUMAT KEBENARAN

Kebenaran : Dibenarkan Tidak Dibenarkan

Sila tanda (√)

Ulasan : _____

(Jika Berkaitan)

D) PERAKUAN PEMILIK

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama : _____



**KEBENARAN JMB/ MC BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN (ONLINE) DI
KAWASAN KEDIAMAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama : _____
(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah : _____

**Aktiviti
Perniagaan** : _____

**B) MAKLUMAT PENGURUSAN BERSAMA (JMB) ATAU PERBADANAN
PENGURUSAN (MC)**

Nama Organisasi : _____

Nama Pegawai : _____
(Seperti Dalam Kad Pengenalan)

**No. Kad
Pengenalan** : _____

Tel/Hp : _____

Alamat Surat

Menyurat : _____

C) MAKLUMAT KEBENARAN

Kebenaran : Dibenarkan Tidak Dibenarkan
Sila tanda (√)

Ulasan : _____
(Jika Berkaitan)

D) PERAKUAN JMB/ MC

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : _____ **Tarikh**: _____

Nama : _____



GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN NEGERI SELANGOR

2022

**SEKSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR**

ISI KANDUNGAN

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>M/S</u>
1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	OBJEKTIF	1
4.0	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (PUNCA KUASA)	1
5.0	TAFSIRAN	2
6.0	PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN	3
6.1	Prinsip Asas	3
6.2	Lokasi Dan Ruang Luas Lantai	4
6.3	Surat Sokongan Berjiran	5
6.4	Kebenaran Badan Pengurusan Bersama/ Perbadanan Pengurusan	5
6.5	Kebenaran Pemilik	5
6.6	Kebenaran Merancang	6
6.7	Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan	6-8
6.8	Aktiviti Perniagaan Yang Dilarang	8
6.9	Syarat Kelulusan Lesen Perniagaan	9
6.10	Syarat Kelulusan Lesen Sementara	10
6.11	Tatacara Permohonan Lesen Perniagaan	10
6.12	Kategori Lesen Perniagaan	11
6.13	Kadar Fi Lesen Perniagaan	11
6.14	Papan Visual Iklan	11
7.0	PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KOMERSIAL & INDUSTRI	11
7.1	Prinsip Asas	11
7.2	Lokasi Dan Ruang Luas Lantai	12
7.3	Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan	12
7.4	Syarat Kelulusan Lesen Perniagaan	12
7.5	Tatacara Permohonan Lesen Perniagaan	13
7.6	Kadar Fi Lesen Perniagaan	13
7.7	Papan Visual Iklan	14
8.0	PENGUATKUASAAN	14
9.0	PENGECUALIAN	14
10.0	TARIKH KUATKUASA	14
11.0	PENUTUP	14

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>M/S</u>
Lampiran 1:	Contoh Format Surat Sokongan Berjiran Bagi Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	15
Lampiran 2:	Contoh Format Kebenaran JMB/ MC Bagi Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	16
Lampiran 3:	Contoh Format Kebenaran Pemilik Bagi Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	17
Lampiran 4:	Contoh Format Borang Permohonan Lesen Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	18-20
Lampiran 5:	Carta Alir Permohonan Lesen Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	21
Lampiran 6:	Contoh Lesen Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Kediaman	22
Lampiran 7	Carta Alir Permohonan Lesen Perniagaan Dalam Talian Di Kawasan Komersial & Industri	23
Lampiran 8:	Contoh Lesen Perniagaan Di Kawasan Komersial & Industri Yang Mempunyai Caj Pendaftaran Perniagaan Dalam Talian	24

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini dirangka dan disediakan dengan kerjasama Jabatan Pelesenan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai rujukan dan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dalam memproses permohonan kelulusan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman (rumah), kawasan komersial dan industri.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Seksyen 107 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), sesuatu PBT boleh menetapkan bayaran lesen atau permit dan caj memeriksa atau menyelia apa-apa tred, pekerjaan atau premis yang mengenainya lesen itu diberi.
- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 15/2020 pada 22 April 2020 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 16/2020 pada 29 April 2020 telah memutuskan agar Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan UPEN bersama PBT Negeri Selangor mengkaji mekanisma yang sesuai bagi mendaftarkan peniaga yang beroperasi di rumah sebagai satu langkah proaktif menghadapi norma baharu pasca COVID-19.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mewujudkan keseragaman prosedur dan kawalan bagi pelaksanaan melesenkan aktiviti perniagaan dalam talian di negeri Selangor.
- 3.2 Menjelaskan tatacara melesenkan aktiviti perniagaan dalam talian yang diusahakan di kawasan premis kediaman atau rumah.
- 3.3 Menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan strategi agenda digitalisasi.
- 3.4 Merencanakan pemulihan ekonomi serta pembangunan industri.

4.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG (PUNCA KUASA)

- 4.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- 4.2 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/ 1965 dan Peraturan-Peraturan).
- 4.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- 4.4 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

- 4.5 Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).
- 4.6 Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (PTPP) 2007 PBT Negeri Selangor.
- 4.7 UUK Pelesenan Establisymen Makanan (PEM) 2007 PBT Negeri Selangor.
- 4.8 UUK Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (PKPK) 2013 PBT Negeri Selangor.
- 4.9 UUK Iklan 2007 PBT Negeri Selangor.
- 4.10 Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001.
- 4.11 Pekeliling Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) Bilangan 2 dan Bilangan 7 Tahun 2016.
- 4.12 Pekeliling dan arahan dari Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan/ Agensi di negeri Selangor yang berkuat kuasa.

5.0 TAFSIRAN

- 5.1 **Boutique Office** merangkumi ruang pejabat/ perniagaan yang kecil sama ada berkongsi atau tidak dengan ruang kediaman yang terhad pada masa yang sama menjalankan aktiviti perniagaan/ kerja dengan kos 'overhead' yang rendah dan murah serta boleh mendapatkan pelanggan yang lebih besar dengan penggunaan teknologi maklumat termasuklah *Small Office Versatile Office (SOVO)*, *Small Office Home Office (SOHO)* dan *Small Office Flexible Office (SOFO)*.
- 5.2 **Lesen Sementara** merupakan lesen yang dikeluarkan kepada pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Melesen (PBM) ke atas permohonan suatu lesen perniagaan. Lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh dikeluarkan.

(rujukan: UUK PTPP 2007)

- 5.3 **Pihak Berkuasa Melesen (PBM)** ertinya Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Datuk Bandar atau Yang Dipertua di PBT.
- 5.4 **Pihak Berkuasa Negeri (PBN)** ertinya Kerajaan Negeri Selangor.

- 5.5 **Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di dalam negeri Selangor.
- 5.6 **Perniagaan Dalam Talian (Online)** merupakan apa-apa perniagaan yang dijalankan secara dalam talian yang menggunakan internet sebagai medium perantaraan bagi tujuan mengiklankan, mempromosi, dan menjalankan penjualan produk/ perkhidmatan antara penjual dan pembeli. Meliputi pelbagai bentuk tred, perdagangan, pertukangan, pekerjaan atau aktiviti-aktiviti perniagaan lain melalui perkhidmatan secara digital/ elektronik dengan rangkaian pemasaran bagi maksud mendapatkan keuntungan, komisen atau apa-apa faedah ekonomi yang lain.
- 5.7 **Perniagaan Di Rumah** dalam garis panduan ini merujuk kepada jenis perniagaan yang dijalankan secara dalam talian yang dimiliki atau dioperasikan oleh individu dari rumah kediamannya.
- 5.8 **Premis** adalah termasuk mesuaj, rumah, bangunan tanah, tenemen, isemen dan hereditamen dari apa-apa pemegang, sama ada terbuka atau terkepung, sama ada dibina atasnya atau tidak, sama ada awam atau persendirian, dan sama ada disenggara atau tidak di bawah pihak berkuasa berkanun.
- 5.9 **Rumah** dalam garis panduan ini merujuk kepada bangunan yang digunakan untuk tujuan dihuni atau didiami oleh manusia.
- 5.10 **Rumah Kediaman** termasuklah sesuatu bangunan atau tenemen yang digunakan kesemuanya atau sebahagian besarnya, yang dibina atau dipadankan untuk digunakan bagi kediaman manusia.

6.0 **PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN**

6.1 **Prinsip Asas**

- 6.1.1 Perniagaan dijalankan sepenuhnya dalam talian menggunakan apa-apa saluran dalam talian bagi memasarkan perniagaan.
- 6.1.2 Perniagaan yang dijalankan adalah berskala kecil dan tidak menyimpan stok berlebihan sehingga perlu disimpan di luar bangunan rumah kediaman.
- 6.1.3 Perniagaan hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

6.1.4 Perniagaan tidak menimbulkan sebarang masalah kesihatan persekitaran, gangguan trafik, kacau ganggu awam atau seumpamanya kepada jiran dan penduduk setempat.

6.1.5 Premis masih kelihatan sebagai rumah kediaman dan bukan kelihatan seperti premis perniagaan.

6.2 Lokasi Dan Ruang Luas Lantai

6.2.1 Penggunaan ruang luas lantai perniagaan maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak 25% daripada luas binaan (bangunan utama) secara setempat atau satu ruang yang diluluskan oleh pihak PBT.


6.2.2 Kebenaran hanyalah di dalam bangunan kediaman sahaja dan mengekalkan reka bentuk kediaman sedia ada. Penggunaan ruang luas lantai perniagaan sebanyak 25% ini tidak termasuk bagi pangsapuri kediaman komersial dan *boutique office*.


(rujukan: Kanun Tanah Negara)

6.2.3 Pemohon hendaklah kemukakan lakaran (yang ditandakan) pada pelan lantai rumah yang dijadikan kawasan aktiviti perniagaan (25%), gambar luar hadapan dan dalam rumah.

6.2.4 Antara contoh pelan lantai rumah yang boleh digunakan adalah seperti di dalam dokumen perjanjian jual beli rumah.

Rajah 1: Contoh Lakaran Pelan Lantai Kawasan Aktiviti Perniagaan 25%



Rajah 2: Contoh Gambar Luar Hadapan Dan Dalam Rumah**6.3 Surat Sokongan Berjiran**

6.3.1 Surat sokongan berjiran perlu diperolehi secara bertulis oleh pemohon sama ada beliau pemilik atau penyewa (bagi premis yang disewa) sebelum permohonan dikemukakan kepada pihak PBT sekiranya terdapat kejiranan dalam lingkungan 20 meter dari kedudukan rumah.

(rujukan: Akta 172)

6.3.2 Surat sokongan berjiran ini dibuat berdasarkan kepada satu (1) plot/ unit di sebelah kiri dan kanan. Contoh format surat sokongan berjiran bagi permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah seperti **Lampiran 1**.

6.4 Kebenaran Badan Pengurusan Bersama/ Perbadanan Pengurusan

6.4.1 Pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) jika berkaitan. Contoh format kebenaran bertulis daripada JMB/ MC bagi permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah di **Lampiran 2**.

6.5 Kebenaran Pemilik

6.5.1 Pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis dari pemilik bagi menjalankan perniagaan dalam talian di rumah sekiranya beliau menyewa premis tersebut. Contoh format kebenaran bertulis pemilik bagi permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah di **Lampiran 3**.

6.6 Kebenaran Merancang

6.6.1 Kebenaran Merancang adalah tidak perlu bagi semua aktiviti perniagaan dalam talian di kawasan kediaman (terhad kepada bangunan utama sahaja) yang dibenarkan di perenggan 6.7.1 selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 20/2021 bertarikh 9 Jun 2021 yang disahkan oleh MMKN Ke 21/2021 bertarikh 16 Jun 2021 seperti berikut:

“bersetuju agar semua aktiviti di perenggan 6.7.1 Garis Panduan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Dalam Talian Negeri Selangor sebagai perubahan material yang dikecualikan baginya kebenaran merancang di bawah perenggan Seksyen 19(2)(g) Akta 172 terhad kepada bangunan utama sahaja.”

6.7 Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan

6.7.1 Aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan kediaman hendaklah berskala kecil dan tidak menimbulkan kacau ganggu. Berikut adalah kategori aktiviti perniagaan yang dibenarkan:

- (i) Kategori Perkhidmatan.
 1. Pejabat pengurusan, pentadbiran dan pemasaran.
 2. Menjahit pakaian (dengan kawalan bilangan mesin).
 3. Gunting rambut.
 4. Penghantaran hadiah.
 5. Mengajar, kursus dan konsultasi.
 6. Urutan, bekam dan jagaan selepas bersalin.
 7. Pusat tuisyen dan kelas agama.
 8. Percetakan (risalah, kad bisnes, pelekat, pakaian dan seumpamanya).
 9. Kraftangan dan perkhidmatan gubahan (bunga, coklat, hantaran dan hadiah).
 10. Studio seperti seni kecantikan dan lain-lain.
 11. Rawatan kecantikan.
 12. Teknologi, multimedia, fotografi dan video.
- (ii) Kategori Barangan Komputer/ Telekomunikasi/ Video/ Elektrik/ Elektronik.
 1. Telekomunikasi termasuk telefon, telefon bimbit, telefon pintar, tablet dan aksesori yang berkaitan.
 2. Peralatan teknologi dan multimedia termasuk komputer peribadi, komputer riba, pencetak, pengimbas, pembesar suara dan aksesori.
 3. Permainan elektronik, permainan video dan aksesori.
 4. Peralatan muzik, fotografi dan video.
 5. Peralatan elektrik, elektronik dan aksesori.

- (iii) Kategori Barangan Kecantikan Dan Kesihatan.
 1. Peralatan kosmetik (ejen/ stokis).
 2. Barangan kecantikan (ejen/ stokis).
 3. Barang penjagaan kebersihan diri seperti minyak wangi, sabun, ubat gigi dan seumpamanya.
 4. Vitamin dan makanan kesihatan (ejen/ stokis).

- (iv) Kategori Barangan Tekstil Dan Pakaian
 1. Pakaian siap dan aksesori pakaian.
 2. Tekstil termasuk semua jenis kain.

- (v) Kategori Barangan Perhiasan Lelaki Dan Wanita
 1. Tali pinggang, topi, jam dan beg.
 2. Kasut, selipar, sandal dan seumpamanya.
 3. Cermin mata, kanta lengkap dan aksesori.
 4. Semua jenis aksesori perhiasan lelaki dan wanita.

- (vi) Kategori Barangan Rumah/ Pejabat.
 1. Kelengkapan rumah dan pejabat seperti karpet, langsir, sarung sofa, cadar, tuala dan lain-lain.
 2. Perkakasan rumah (*hardware*) dan bahan pencuci.
 3. Peralatan pertukangan.
 4. Peralatan dapur termasuk aksesori.
 5. Kelengkapan pejabat.

- (vii) Kategori Barangan Makanan Dan Minuman.
 1. Bakeri (dengan kawalan bilangan mesin).
 2. Makanan seperti siap masak, sejuk beku, dalam tin, kotak dan sebagainya.
 3. Minuman seperti dalam tin, kotak dan sebagainya.
 4. Makanan berat seperti set makanan panas, nasi, lauk, *shell out* dan lain-lain.
 5. Makanan ringan seperti jeruk, keropok, kuih, kek, pastri, coklat, kacang, kerepek dan lain-lain.
 6. Makanan mentah yang telah siap disiang dan dibasuh.
 7. Makanan haiwan.

- (viii) Kategori Aksesori Kenderaan
 Semua aksesori bagi motosikal, kereta dan seumpamanya yang berskala kecil untuk tujuan pembekalan sahaja (pembaikan dan pemasangan adalah tidak dibenarkan).

- (ix) Kategori Barangan Bayi Dan Kanak-Kanak.
Semua barangan dan aksesori bayi dan kanak-kanak seperti susu, lampin, mainan, produk mandian, botol susu, botol air, buaian, kereta sorong dan kerusi kereta bayi.
- (x) Kategori Peralatan Alat Tulis Dan Bahan Bacaan.
 1. Bahan bacaan dan aksesori seperti buku, majalah, aksesori serta aplikasi pembelajaran dan lain-lain.
 2. Alat tulis dan lain-lain yang seumpamanya.
- (xi) Kategori Pertanian.
Bunga, pokok serta tanaman skala kecil, baja, pasu, benih dan racun.
- (xii) Kategori Barangan Keperluan Harian.
 1. Barangan runcit (berskala kecil).
 2. Barangan keperluan harian.
- (xiii) Kategori Barangan Hobi Dan Sukan.
 1. Peralatan memancing, sukan dan kecergasan.
 2. Basikal dan aksesori basikal.

6.7.2 Had maksimum jumlah aktiviti yang dibenarkan di setiap rumah adalah tertakluk kepada PBT masing-masing dengan syarat tidak bertentangan dengan garis panduan ini.

6.7.3 Apa-apa aktiviti tambahan yang ingin dibenarkan selain di perenggan 6.7.1 hendaklah mendapat kelulusan PBN.

6.8 Aktiviti Perniagaan Yang Dilarang

6.8.1 Aktiviti perniagaan atau perkhidmatan yang boleh menyebabkan kacau ganggu di kawasan kediaman adalah dilarang. Berikut adalah larangan aktiviti perniagaan atau perkhidmatan di kawasan kediaman:

- (i) membaiki kenderaan;
- (ii) menjadikan rumah sebagai pusat pameran (*showroom*);
- (iii) penjualan secara langsung (runcit atau *walk-in*) kepada pelanggan seperti membuka meja jualan dan sebagainya;
- (iv) penggunaan peralatan mekanikal yang berat;
- (v) peralatan yang mengeluarkan debu, bunyi bising, bau dan sebagainya;
- (vi) penjualan/ penyimpanan melibatkan haiwan peliharaan (tujuan jualan);

- (vii) penjualan/ penyimpanan senjata api, minuman keras, rokok dan seumpamanya;
- (viii) penjualan barangan terkawal/ berjadual;
- (ix) penjualan barangan mudah terbakar, kimia dan gas;
- (x) penjualan barangan basah yang boleh menyebabkan pencemaran kawasan persekitaran;
- (xi) penyimpanan stok secara berlebihan yang menukarkan premis kediaman sebagai stor atau gudang; dan
- (xii) memaparkan apa-apa bentuk iklan tanpa kelulusan PBT.

6.8.2 PBT boleh menetapkan sendiri tambahan aktiviti yang dilarang selain di perenggan 6.8.1 dari semasa ke semasa.

6.9 Syarat Kelulusan Lesen Perniagaan

- 6.9.1 Pemohon adalah seorang warganegara Malaysia.
- 6.9.2 Telah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan.
- 6.9.3 Pemohon adalah pemilik atau penyewa rumah yang sah.
- 6.9.4 Menggunakan sepenuhnya saluran dalam talian bagi menjalankan atau memasarkan perniagaan.
- 6.9.5 Telah menerima sokongan jiran dan kebenaran JMB/ MC (jika berkaitan).
- 6.9.6 Pertimbangan hendaklah mengambil kira ulasan Jabatan Teknikal PBT (contohnya seperti Jabatan Perancang atau Jabatan Bangunan).
- 6.9.7 Semua tanggungjawab adalah di bawah pemegang lesen. PBT tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kerosakan, kerugian, kecederaan atau kemalangan yang disebabkan oleh aktiviti perniagaan dalam talian di rumah.
- 6.9.8 Sekiranya terdapat aduan berhubung perniagaan yang dijalankan, PBT berhak untuk membatalkan lesen.
- 6.9.9 PBT boleh menetapkan syarat-syarat tambahan lain yang tidak bertentangan dengan garis panduan ini dari semasa ke semasa.

6.10 Syarat Kelulusan Lesen Sementara

- 6.10.1 Lesen sementara boleh dikeluarkan oleh Jabatan Pelesenan berdasarkan pematuhan dan permohonan (dokumen).
- 6.10.2 PBT hendaklah membuat semakan dan pemantauan ke atas premis dalam tempoh lesen sementara sebelum lesen perniagaan dipertimbangkan.

6.11 Tatacara Permohonan Lesen Perniagaan

- 6.11.1 Permohonan boleh menggunakan contoh format borang di **Lampiran 4** atau apa-apa kaedah yang ditentukan oleh PBT.
- 6.11.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Pelesenan dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:
- (i) borang yang lengkap diisi (tertakluk kaedah setiap PBT);
 - (ii) salinan Kad Pengenalan pemohon;
 - (iii) salinan pendaftaran SSM yang masih sah;
 - (iv) salinan pemilikan premis (cukai/ geran/ perjanjian jual beli/ perjanjian sewa yang dimatikan setem);
 - (v) surat kebenaran pemilik untuk menjalankan perniagaan (jika penyewa);
 - (vi) salinan pelan lantai premis dengan lakaran 25% kawasan perniagaan;
 - (vii) gambar luar hadapan dan dalam rumah;
 - (viii) salinan tangkap layar (*screen shot*) saluran/ ruangan yang digunakan bagi menjalankan perniagaan dalam talian;
 - (ix) surat sokongan jiran (kiri dan kanan) sekiranya terdapat kejiranan dalam lingkungan 20 meter; dan
 - (x) surat kebenaran JMB/ MC (jika berkaitan).
- 6.11.3 Setiap PBT disaran untuk mewujudkan dua (2) jenis saluran permohonan iaitu secara dalam talian dan secara manual bagi memudah cara urusan permohonan kepada semua golongan.
- 6.11.4 Permohonan pengeluaran lesen sementara dan lesen perniagaan adalah terhad kepada bangunan utama sahaja. Sekiranya aktiviti perniagaan dilaksanakan di bangunan lain dalam kawasan rumah, pembinaan dan aktiviti bangunan tersebut perlu mendapatkan KM daripada PBT masing-masing.
- 6.11.5 Carta alir tatacara permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah seperti **Lampiran 5**.

6.12 Kategori Lesen Perniagaan

6.12.1 Perniagaan dalam talian di kawasan kediaman akan dikategorikan sebagai Lesen Perniagaan Dalam Talian Di Rumah. Contoh lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah di **Lampiran 6**.

6.13 Kadar Fi Lesen Perniagaan

6.13.1 Berikut adalah kadar fi lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman:

Perkara	Fi (RM)
Proses/ Deposit	Tiada (dikecualikan)
Lesen Sementara	RM100.00
Lesen Perniagaan	RM200.00 setahun

(rujukan: Jadual Ketiga, UUK PTPP 2007)

6.14 Papan Visual Iklan

6.14.1 Pemohon yang diluluskan lesen perniagaan boleh memohon untuk memasang iklan tidak bercahaya tertakluk syarat berikut:

- (i) saiz iklan mestilah tidak melebihi satu (1) meter persegi;
- (ii) penggunaan Bahasa Kebangsaan/ Bahasa Melayu hendaklah diutamakan;
- (iii) visual selain maklumat/ nama perniagaan adalah tidak dibenarkan; dan
- (iv) kebenaran dan kelulusan iklan tertakluk kepada prosedur serta peraturan di PBT masing-masing.

6.14.2 Tiada sebarang caj/ fi iklan tidak bercahaya bagi perniagaan dalam talian di rumah (caj/ fi dikecualikan). Pemasangan iklan tanpa kelulusan PBT boleh diambil tindakan undang-undang.

7.0 PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KOMERSIAL DAN INDUSTRI

7.1 Prinsip Asas

7.1.1 Perniagaan dalam talian sama ada dijalankan sepenuhnya atau sebagai tambahan aktiviti kepada perniagaan sedia ada (bukan dalam talian) bagi memasarkan perniagaan.

7.1.2 Pematuhan operasi perniagaan adalah tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa di PBT masing-masing.

7.2 Lokasi Dan Ruang Luas Lantai

7.2.1 Tiada had penggunaan ruang luas lantai perniagaan dalam talian di kawasan komersial, industri dan jenis pembangunan pangsapuri kediaman komersial dan *boutique office*.

7.3 Aktiviti Perniagaan Yang Dibenarkan

7.3.1 Perniagaan dalam talian di kawasan komersial dan industri merupakan kaedah pemasaran sesuatu perniagaan di mana kebanyakan peniaga di kawasan komersial dan industri telah pun menjalankan perniagaan secara konvensional (luar talian).

7.3.2 PBT boleh menetapkan sendiri aktiviti perniagaan yang dibenarkan di kawasan komersial dan industri dari semasa ke semasa. Berikut adalah beberapa contoh aktiviti perniagaan yang dibenarkan:

- (i) kerja-kerja perundingan profesional seperti pengurusan teknologi maklumat, rekabentuk kejuruteraan, perancangan, arkitek, rekabentuk ICT dan pengiklanan, pengurusan akaun dan perunding pelaburan;
- (ii) kerja-kerja yang melibatkan penulisan dan karya kreatif seperti menulis buku, lagu, puisi, skrip dan lain-lain termasuk kesenian, kraftangan dan lukisan;
- (iii) penjualan produk secara maya dan terus kepada pelanggan melalui penggunaan laman web atau apa-apa saluran dalam talian; dan
- (iv) mengiklankan produk secara terus melalui laman-laman iklan dalam talian dengan memberi maklumat barangan yang hendak dijual.

7.4 Syarat Kelulusan Lesen Perniagaan

7.4.1 Telah mengemukakan semua dokumen yang berkaitan.

7.4.2 Pemohon adalah pemilik atau penyewa premis yang sah.

7.4.3 Menggunakan saluran dalam talian sama ada sepenuhnya atau sebagai tambahan dalam aktiviti perniagaan.

7.4.4 Telah menerima kebenaran JMB/ MC (jika berkaitan).

7.4.5 Lain-lain syarat yang ditetapkan oleh PBT dari semasa ke semasa.

7.5 Tatacara Permohonan Lesen Perniagaan

7.5.1 **Permohonan Baharu:** Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen kepada Jabatan Pelesenan seperti berikut:

- (i) borang yang lengkap diisi (tertakluk kaedah setiap PBT);
- (ii) salinan Kad Pengenalan/ Pasport pemohon;
- (iii) salinan pendaftaran SSM yang masih sah;
- (iv) salinan pemilikan premis (cukai/ geran/ perjanjian jual beli/ perjanjian sewa yang dimatikan setem);
- (v) gambar luar hadapan dan dalam premis;
- (vi) salinan tangkap layar (*screen shot*) saluran/ ruangan dalam talian yang digunakan bagi menjalankan perniagaan dalam talian; dan
- (vii) surat kebenaran JMB/ MC (jika berkaitan).

7.5.2 **Tambahan Aktiviti:** Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen kepada Jabatan Pelesenan seperti berikut:

- (i) salinan lesen perniagaan sedia ada;
- (ii) salinan pendaftaran SSM yang masih sah;
- (iii) gambar luar hadapan dan dalam premis; dan
- (iv) salinan tangkap layar (*screen shot*) saluran/ ruangan dalam talian yang digunakan bagi menjalankan perniagaan dalam talian.

7.5.3 Carta alir permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan komersial dan industri adalah di **Lampiran 7**.

7.6 Kadar Fi Lesen Perniagaan

7.6.1 **Permohonan Baharu:** Kadar fi adalah tertakluk kepada PBT masing-masing berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

7.6.2 **Tambahan Aktiviti:** Kebanyakan premis di kawasan komersial dan industri telah mempunyai lesen perniagaan sedia ada merujuk kepada kelulusan di bawah peruntukan UUK yang berkaitan. Tambahan maklumat aktiviti dalam talian di dalam lesen perniagaan sedia ada di kawasan komersial dan industri akan dikenakan caj pendaftaran perniagaan dalam talian sebanyak RM50.00.

7.6.3 Contoh lesen perniagaan sedia ada yang mempunyai caj pendaftaran perniagaan dalam talian adalah di **Lampiran 8**.

7.7 Papan Visual Iklan

- 7.7.1 Pertimbangan serta caj/ fi bagi pemasangan visual iklan di kawasan komersial dan industri adalah tertakluk kepada prosedur dan peraturan di PBT masing-masing.
- 7.7.2 Pemohon yang memasang iklan tanpa kelulusan PBT boleh diambil tindakan undang-undang.

8.0 PENGUATKUASAAN

- 8.1 PBM atau pegawai diberi kuasa boleh pada setiap masa yang munasabah mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa memasuki mana-mana premis yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam talian dan menjalankan apa-apa pemeriksaan di premis itu. Sebarang tindakan penguatkuasaan yang diambil hendaklah merujuk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di PBT.
- 8.2 PBT boleh menambah syarat/ terma berdasarkan peruntukan sedia ada di dalam garis panduan ini mengikut kesesuaian dari masa ke semasa bagi tujuan kawalan dan pemantauan. PBT juga boleh meneliti semula setiap proses mengikut kesesuaian dari masa ke semasa berpandukan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa bagi memastikan premis beroperasi secara terkawal dan teratur.

9.0 PENGECUALIAN

- 9.1 PBN boleh mengecualikan apa-apa peruntukan, fi atau caj yang dinyatakan di dalam garis panduan ini tertakluk kepada undang-undang berkaitan yang berkuat kuasa.

10.0 TARIKH KUAT KUASA

- 10.1 Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh PBN.

11.0 PENUTUP

- 11.1 Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama dengan arahan serta pekeliling-pekeliling lain yang terpakai di PBT Negeri Selangor termasuk yang dikeluarkan oleh PBN yang sedang berkuat kuasa.
- 11.2 Dengan adanya garis panduan ini, PBT Negeri Selangor diharap boleh memastikan aktiviti perniagaan dalam talian yang dijalankan dapat dikawal serta mematuhi syarat yang telah ditetapkan.



Logo Majlis

Lampiran 1

CONTOH FORMAT SURAT SOKONGAN JIRAN BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah :
.....

Aktiviti Perniagaan :

B) MAKLUMAT JIRAN

Nama :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : **Tel/ HP** :

Alamat Rumah :
.....

Kedudukan Jiran Dengan Pemohon :
Sila tanda (v)

Kiri	<input type="checkbox"/>	Kanan	<input type="checkbox"/>
------	--------------------------	-------	--------------------------

C) MAKLUMAT SOKONGAN

Sokongan :
Sila tanda (v)

Sokong	<input type="checkbox"/>	Tidak Sokong	<input type="checkbox"/>
--------	--------------------------	--------------	--------------------------

Ulasan :
(jika berkaitan)
.....

D) PERAKUAN JIRAN

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : **Tarikh** :

Nama :



Logo Majlis

Lampiran 2

CONTOH FORMAT KEBENARAN JMB/ MC BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah :
.....

Aktiviti Perniagaan :

B) MAKLUMAT PENGURUSAN BERSAMA (JMB) ATAU PERBADANAN PENGURUSAN (MC)

Nama Organisasi :

Nama Pegawai :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

Alamat Surat Menyurat :
.....

C) MAKLUMAT KEBENARAN

Kebenaran :
Sila tanda (v) Dibenarkan Tidak Dibenarkan

Ulasan :
(jika berkaitan)
.....

D) PERAKUAN JMB/ MC

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : Tarikh :

Nama :



Logo Majlis

Lampiran 3

CONTOH FORMAT KEBENARAN PEMILIK BAGI PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

Alamat Rumah :
.....

Aktiviti Perniagaan :

B) MAKLUMAT PEMILIK

Nama :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

Alamat Surat Menyurat :
.....

C) MAKLUMAT KEBENARAN

Kebenaran :
Sila tanda (√) Dibenarkan Tidak Dibenarkan

Ulasan :
(jika berkaitan)

D) PERAKUAN PEMILIK

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang ini adalah benar. Pemohon hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang dijalankan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak Majlis dengan kadar segera sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan.

Tandatangan : Tarikh :

Nama :

Lampiran 4



Logo Majlis

CONTOH FORMAT BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN**PANDUAN MENGISI BORANG**

1. Pemohon dikehendaki mengisi semua maklumat dan tanda (v) yang berkaitan.
2. Sila kosongkan ruangan jika tidak berkaitan atau tiada maklumat.
3. Segala keterangan di dalam borang hendaklah tepat dan benar.
4. Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya ke atas permohonan ini.
5. Pihak Majlis tidak terikat untuk memberikan sebarang kelulusan.

A) MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : **Tel/ HP** :

Emel : **Faks** :

Nama Syarikat : **No. SSM** :

B) MAKLUMAT RUMAH

Alamat Rumah :
.....

Status Rumah :
Sila tanda (v)

Pemilik	<input type="checkbox"/>	Ahli Keluarga Pemilik	<input type="checkbox"/>
Penyewa	<input type="checkbox"/>	Lain-lain (<i>nyatakan</i>)

Jenis Rumah :
Sila tanda (v)

Teres	<input type="checkbox"/>	Teres Berkembar	<input type="checkbox"/>
Banglo/ Sebuah	<input type="checkbox"/>	Flat/ Pangsapuri/ Kondo	<input type="checkbox"/>
Town House	<input type="checkbox"/>	Lain-lain (<i>nyatakan</i>)

Kedudukan Rumah : Lot/ Unit Tengah Lot/ Unit Tepi

Jumlah Aras/ Tingkat :

Saiz/ Luas Rumah : (kaki persegi)

C) MAKLUMAT PEMILIK RUMAH *(kosongkan jika sama seperti maklumat pemohon)*

Nama Pemilik :
(seperti dalam Kad Pengenalan)

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

Alamat Surat Menyurat :
.....

D) MAKLUMAT PENGHUNI RUMAH *(termasuk pemohon)*

Jumlah Penghuni : 1-3 orang 4-6 orang
Sila tanda (v)

7-9 orang 10 orang ke atas

Hubungan Penghuni : Ahli Keluarga Rakan Penyewa
Sila tanda (v)

Lain-lain
(nyatakan)

E) MAKLUMAT PERNIAGAAN DALAM TALIAN

Jenis Aktiviti :

Saluran Dalam Talian :

Waktu Operasi Sehari : Mula Tamat Tempoh (jam)
Perniagaan hendaklah dijalankan secara dalam talian (online) sepenuhnya.

F) MAKLUMAT JIRAN *(1 unit kiri dan kanan yang bersebelahan dengan premis pemohon)*

Sila isi sekiranya terdapat kejiranan dalam lingkungan 20 meter dari kedudukan premis.

Nama Jiran Kiri :

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

Nama Jiran Kanan :

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

G) MAKLUMAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB)/ PERBADANAN PENGURUSAN (MC)

Sila isi sekiranya berkaitan.

Organisasi :

Nama Pegawai :

No. Kad Pengenalan : Tel/ HP :

Alamat Surat Menyurat :
.....

H) SENARAI SEMAK

BIL	DOKUMEN	TANDA (v)
1.	Borang permohonan lesen perniagaan yang lengkap diisi.	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Kad Pengenalan pemohon.	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan pendaftaran SSM yang masih sah.	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan pemilikan premis (cukai/ geran / perjanjian jual beli/ perjanjian sewa).	<input type="checkbox"/>
5.	Surat kebenaran pemilik untuk menjalankan perniagaan (jika penyewa).	<input type="checkbox"/>
6.	Salinan pelan lantai premis dengan lakaran 25% kawasan perniagaan.	<input type="checkbox"/>
7.	Gambar luar hadapan dan dalam rumah.	<input type="checkbox"/>
8.	Salinan tangkap layar (<i>screen shot</i>) saluran/ ruangan dalam talian yang digunakan.	<input type="checkbox"/>
9.	Surat sokongan jiran kiri dan kanan dan belakang (jika kejiranan dalam 20 meter).	<input type="checkbox"/>
10.	Surat kebenaran JMB/ MC/ Ejen Pengurusan (jika berkaitan).	<input type="checkbox"/>

Sila buat tiga (3) salinan bagi dokumen senarai semak di atas.

I) PERAKUAN PEMOHON


Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di dalam borang dan dokumen yang dikemukakan adalah benar serta bertanggungjawab ke atas permohonan ini. Saya juga bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya berlaku apa-apa kemungkinan kepada mana-mana bangunan atau kawasan kediaman disebabkan perniagaan yang saya jalankan. Saya bersedia diambil tindakan oleh pihak Majlis sekiranya perniagaan tersebut menjejaskan kesejahteraan dan keharmonian kawasan kejiranan. Saya juga bersetuju bahawa pihak Majlis tidak terikat untuk memberikan kelulusan dan berhak untuk menolak atau membatalkan permohonan ini berdasarkan pertimbangan dan peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Tandatangan : Tarikh :

Nama :

Lampiran 5

CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN



Nota:

Carta alir di atas adalah sebagai rujukan sahaja. Proses sebenar permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan kediaman adalah tertakluk kepada kesesuaian di PBT masing-masing.

CONTOH LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI KAWASAN KEDIAMAN



مجلس بنداراي قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
 Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
 Tel: 603 - 7956 3644 (Paks) / 603 - 7956 1894 (Hotline MBPJ) / 603 - 7954 3020
 E-mel: atasan@mbpj.gov.my Laman web: www.mbpj.gov.my



LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN DI RUMAH

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
2020

NO AKALIN LESEN :	LE87000062211	
NO PERMOHONAN :	EL8970000620831	
NAMA PERNIAGAAN :	JELITA 001 ENTERPRISE	
ALAMAT PREMIS :	RUMAH KEDIAMAN LOT 10, JALAN YONG-SHOOK LIN 46675 PETALING JAYA	
TARBIH MULA :	12 OKTOBER, 2020	
TARBIH TAMAT :	31 DISEMBER, 2020	
DICETAK OLEH :	ISHAR BIN JUYAHER	



NO.	BUTIR-BUTIR LESEN	BAYARAN
1	AKTIVITI PEJABAT PENGURUSAN (EJEN INSURANS)	0.00
JUMLAH		0.00

TARBIH BAYAR : 12 OKTOBER, 2020




 Datuk Bandar
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya




WE LOVE
PETALING JAYA



www.mbpj.gov.my


Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[@jkitycouncil](#)

Card Cetak: Kaumal
No. Rnd: 00000000
Email: banaki@mbpj.com
Tarikh: 12/10/2020 12:07:06

Lampiran 7

**CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN
DI KAWASAN KOMERSIAL & INDUSTRI**



Nota:

Carta alir di atas adalah sebagai rujukan sahaja. Proses sebenar permohonan lesen perniagaan dalam talian di kawasan komersial dan industri adalah tertakluk kepada kesesuaian di PBT masing-masing.

Lampiran 8

CONTOH LESEN PERNIAGAAN DI KAWASAN KOMERSIAL DAN INDUSTRI YANG MEMPUYAI CAJ PENDAFTARAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN



مجلس بنداراي فتالينج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
 Jalan Yong Shook Lin, 46275 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
 Tel: 603-7556 8668 (Fax: 603-7556 1494) (Hotline MBPJ) 603-7556 2000
 E-mail: mbpj@mbpj.gov.my Laman web: www.mbj.gov.my



LESEN SEMENTARA TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

**UKPTPP (MBPJ) 2007
2020**

NO AKALN/LESEN : L254000002040
 NO PERMISORAN : E2540000020007
 NAMA PERMISORAN : SYARIKAT LUMIN SISTEM CLEMI/SHAH SZAH SHEL
 ALAMAT PERSEKUTUAN : TINGKAT 6,
 MENARA MBPJ,
 JALAN TENGAH,
 46275 PETALING JAYA.
 TARIKH MULA : 05 OKTOBER, 2020
 TARIKH TAMAT : 04 APRIL, 2021
 DICETAK OLEH : SHAH BIN A. YAHER



No.	Butir – Butir Lesen	Bayaran
	Aktiviti Butik Paksiain	RM250.00
	Caj Pendaftaran Perniagaan Dalam Talian	RM50.00
JUMLAH		RM300.00




 Datuk Bandar
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya




www.mbj.gov.my
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
99107990001

Carta Cetak: 1/4/2020
 No. 1002
 E-mail: dm@mbpj.gov.my
 Telefon: 603-7556 2000-127616